



INTERNATIONAL RESEARCH JOURNAL
OF SHARIAH, MUAMALAT AND ISLAM
(IRJSMI)

www.irjsmi.com



**KESAN KARYA ANWAR AL-TANZIL WA ASRAR AL-TAKWIL
TERHADAP PENULISAN TEKS TAFSIR NUR AL-IHSAN: SATU
PENDEDAHAN**

*THE EFFECT OF ANWAR AL-TANZIL WA ASRAR AL-TAKWIL'S WORK ON THE
WRITING OF TAFSIR NUR AL-IHSAN TEXT: A DISCLOSURE*

Mohd Sholeh Sheh Yusuff^{1*}, Yusuf Haji Othman², Tengku Zawani Tengku Zawawi³

¹ Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (UniSHAMS), Malaysia

Email: mohdsholeh@unishams.edu.my

² Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (UniSHAMS), Malaysia

Email: dryusufhajiiothman@unishams.edu.my

³ Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (UniSHAMS), Malaysia

Email: zawani@unishams.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 28.11.2021

Revised date: 16.12.2021

Accepted date: 21.12.2021

Published date: 30.12.2021

To cite this document:

Yusuff, M. S. S., Haji Othman, Y., & Tengku Zawawi, T. Z. (2021). Kesan Karya Anwar Al-Tanzil Wa Asrar Al-Takwil Terhadap Penulisan Teks Tafsir Nur Al-Ihsan: Satu Pendedahan. *International Research of Shariah, Muamalat and Islam*, 3 (9), 25-32.

DOI: 10.35631/IRJSMI.39004.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Para ulama Melayu Nusantara telah bergiat cergas dalam menghasilkan karya dalam pelbagai bidang pengajian Islam. Bidang-bidang tersebut seperti akidah, tasawuf dan tafsir al-Quran. Salah satu karya yang ditulis dalam bidang tafsir al-Quran tersebut ialah Tafsir Nur al-Ihsan yang dihasilkan oleh Umar, M. S. Karya ini menjadi rujukan secara meluas oleh masyarakat dalam memahami isi kandungan al-Quran. Walaupun begitu, hasil tinjauan pengkaji didapati terdapat pengkaji terdahulu yang berpendapat bahawa pengarang karya ini tidak menggunakan sumber-sumber rujukan yang muktabar ketika menghuraikan fakta-fakta berkaitan al-Quran, sedangkan bacaan awal didapati pengarang sebenarnya tidak menggunakan pendapatnya sendiri ketika mentafsirkan al-Quran dalam karyanya itu, bahkan banyak karya-karya rujukan muktabar yang beliau rujuk. Oleh sebab karya ini masih dirujuk oleh masyarakat maka satu usaha pemurnian harus dilakukan. Oleh itu, objektif utama penyelidikan ini adalah untuk mengkaji dan mengesan sumber-sumber rujukan yang digunakan oleh Umar, M. S. dalam Tafsir Nur al-Ihsan, di samping pengkaji mendedahkan bagaimana rujukan-rujukan tersebut diolah olehnya menggunakan pendekatan genetik yang diperkenalkan oleh Goldman. Menerusi pendekatan ini, semua sumber rujukan yang digunakan daripada karya Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil oleh al-Baydawi, A. U. didedahkan. Kajian memperlihatkan bahawa pengarang Tafsir Nur al-Ihsan telah mengambil lima pendekatan ketika mengolah teks dari karya yang beliau rujuk

itu iaitu; teks dinukil secara tepat dan selari, pengarang menukil teks secara abstrak daripada karya tersebut, pengarang menghilangkan beberapa perkataan dari teks yang dirujuk sebelum dimuatkan dalam Tafsir Nur al-Ihsan, pengarang menambah huraian dan penjelasan terhadap teks yang dinukil, serta pengarang menafikan sebahagian teks yang dirujuk. Pengkaji mendedahkan bahawa Umar, M. S. merujuk karya Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil ketika menulis Tafsir Nur al-Ihsan bertujuan mengukuhkan karyanya. Beliau berhasil mengukuhkan tafsirannya jika teks yang dirujuk bertepatan dengan teks dalam karyanya. Tetapi, sebaliknya jika teks rujukan itu tidak selari atau bercanggah maka tujuan pengarang untuk menguatkan tafsiran dalam karyanya itu tidak berhasil.

Kata Kunci:

Tafsir Nur Al-Ihsan, Anwar Al-Tanzil Wa Asrar Al-Takwil, Pendekatan Genetik, Sumber Rujukan, Kesan Karya

Abstract:

The Malay scholars of the archipelago have been active in producing works in various fields of Islamic studies. These areas are faith, Sufism, and interpretation of the Qur'an. One of the works written in the field of tafsir al-Quran is Tafsir Nur al-Ihsan produced by Umar, M. S. This work is widely referenced by the community in understanding the contents of the Qur'an. However, the results of the survey found that there are previous researchers who believe that the author of this work does not use authoritative reference sources when describing the facts related to the Qur'an, while the initial reading found that the author did not use his own opinion when interpreting the Qur'an in his work, even many of the works of muktabar reference that he referred to. Since this work is still referenced by the community then a refinement effort must be made. Therefore, the main objective of this research is to study and trace the reference sources used by Umar, M. S. in Tafsir Nur al-Ihsan, in addition to the researcher revealing how the references are processed by him using the genetic approach introduced by Goldman. Through this approach, all reference sources used from the work of Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil by al-Baydawi, A. U. are revealed. This study shows that the author of Tafsir Nur al-Ihsan has taken five approaches when processing the text from the work he referred to, namely; the text is quoted accurately and in parallel, the author quotes the text abstractly from the work, the author removes some words from the referenced text before being included in Tafsir Nur al-Ihsan, the author adds descriptions and explanations to the quoted text, and the author denies part of the referenced text. The researcher revealed that Umar, M. S. referred to the work of Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil when writing Tafsir Nur al-Ihsan to strengthen his work. He manages to strengthen his interpretation if the text referred to coincides with the text in his work. But, on the other hand, if the reference text is not parallel or contradictory then the intention of the author to strengthen the interpretation in his work in this section is not successful.

Keywords:

Tafsir Nur Al-Ihsan, Anwar Al-Tanzil Wa Asrar Al-Takwil, Genetic Approach, Reference Sources, Work Impressions

Pengenalan

Pada abad ke-17 Masihi muncul sebuah karya tafsir al-Quran yang ditulis oleh seorang ulama Melayu yang berasal dari Aceh, Indonesia. Karya ini melengkapi huraian 30 juzuk ayat-ayat al-Quran dalam bahasa Melayu yang dihasilkan oleh al-Fansuri, A. R. yang diberi judul Tafsir

Tarjuman al-Mustafid. Karya ini terus berkembang dari segi penggunaan dan rujukan kepadanya oleh masyarakat Melayu Islam khususnya di Nusantara. Sehingga pada abad ke-19 Masihi, seorang ulama Melayu yang berasal dari Kedah pula mengambil langkah yang sama dalam menghasilkan sebuah karya dalam bidang tafsir al-Quran lengkap 30 juzuk. Karya yang diberi judul Tafsir Nur al-Ihsan ini dikarang oleh Umar, M. S. Karya ini bukan sahaja dibaca oleh masyarakat umum, bahkan menjadi rujukan utama masyarakat Melayu dalam memahami isi kandungan al-Quran. Sehingga kini, karya ini terus dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian terutama di pusat pengajian pondok dan masjid-masjid di seluruh Malaysia (Yusuff, 2021a). Walaupun begitu, pengarang Tafsir Nur al-Ihsan iaitu Umar, M. S. lansung tidak menyatakan dengan jelas nota-nota rujukan setiap fakta yang beliau muatkan dalam karyanya itu. Hal ini menyebabkan sebilangan pembaca menjadi sangsi dengan setiap fakta yang terdapat di dalamnya (Zaim, 2010). Penulisan karya ini mempunyai kelemahan kerana terdapat kekurangan gaya penulisan yang tidak menyatakan sumber rujukan fakta di samping menurut sebahagian pengkaji berpendapat pengarang karya ini menggunakan banyak pendapat yang tidak berasas dalam tafsirannya (Zaim, 2010). Kisah-kisah dalam karya ini juga diragui kerana pengarang tidak menerangkan sumber rujukan secara terperinci. Oleh itu, masyarakat perlu berhati-hati ketika membaca dan merujuk karya ini (Taib, 2003).

Berdasarkan kepada kepentingan karya Tafsir Nur al-Ihsan yang masih dan terus menjadi rujukan masyarakat, maka usaha untuk memurnikan karya ini harus dilakukan (Yusuff, 2020). Salah satu bentuk usaha tersebut adalah melalui kajian yang menggunakan pendekatan genetik yang akan mengungkap dan mencari asal-usul data yang digunakan oleh pengarang ketika menulis Tafsir Nur al-Ihsan (Sohaimi, 2001). Dalam menjalankan penyelidikan ini, para penyelidik menerapkan kajian sumber iaitu salah satu kaedah penyelidikan dalam pendekatan genetik. Melalui kaedah ini, penyelidik akan meneliti dan mengenal pasti sumber ambilan teks yang dipetik oleh Umar, M. S. dalam menghasilkan Tafsir Nur al-Ihsan dan mendedahkan bagaimana pengarang memproses teks tersebut di dalam karyanya (Sohaimi, 2001). Selain itu, penyelidikan ini juga hanya memfokuskan kepada teks dari karya Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil oleh al-Baydawi, A. U. yang dinukil oleh Umar, M. S. dalam Tafsir Nur al-Ihsan sebagai usaha awal untuk penyempurnaan Tafsir Nur al-Ihsan dan juga sebagai contoh kemampuan menerapkan pendekatan genetik pada karya dalam bidang tafsir al-Quran, yang seterusnya dapat dikembangkan ke karya rujukan lain yang pasti akan menyumbang ke arah kesempurnaan karya Tafsir Nur al-Ihsan ini.

Metodologi Kajian

Dalam menjalankan penyelidikan ini, para penyelidik menggunakan pendekatan genetik. Melalui pendekatan genetik, penyelidik meneliti dan mendedahkan asal usul sumber rujukan karya atau melihat bagaimana sesebuah karya telah mempengaruhi penulisan karya pengarang lain (Sohaimi 2001). Contohnya, Tafsir Pimpinan al-Rahman oleh Abdullah Basmeih telah dipengaruhi oleh Jami' al-Bayan 'an Takwil al-Quran oleh Ibn Jarir al-Tabari (Basmeih, 2000) Tafsir Ibn Kathir oleh Ibn Kathir (Basmeih, 2000) dan Ruh al-Ma'ani oleh al-Alusi (Basmeih, 2000). Pada mulanya, seorang pengarang menulis karyanya setelah beliau membaca, meneliti, dan memahami teks sesebuah karya yang menarik perhatiannya secara sedar atau tidak (Ronidin, 2011). Pengarang memproses teks dari buku yang dibacanya itu dan kemudian dia memindahkan teks berkenaan ke dalam karyanya (Ronidin, 2011).

Perkataan genetik berasal dari kata dasar gene, dan dalam bahasa Yunani genea bermaksud breed, kind dan Gene bererti benih (Sinar, 2003). Penyelidikan yang menggunakan pendekatan genetik ini adalah kajian mengenai hubungan antara sebuah karya dengan karya lain yang menunjukkan persamaan berdasarkan faktor benih atau asal usul (Sinar, 2003). Perkataan lain yang dihubungkan dengannya adalah genesis, yang merangkumi asal usul, pengeluaran, dan penciptaan (Sinar, 2003). Menurut Ronidin (2011), pendekatan genetik juga dikenali sebagai kajian pengaruh dan mempengaruhi dalam sebuah teks karya. Pendekatan ini lebih tepat dikatakan sebagai kajian sumber atau kajian asal usul yang membincangkan dari mana datangnya pengaruh tersebut (Ronidin, 2011).

Menurut Lubis (1994), pendekatan genetik terbahagi kepada lima aspek, iaitu pengaruh, penyesuaian, plagiarisme, peniruan, dan terjemahan. Di antara lima aspek tersebut, yang agak sukar untuk dibezakan adalah tiruan dan pengaruh (Lubis, 1994). Hal ini disebabkan untuk menilai sesuatu karya sama ada ia ditiru atau dipengaruhi oleh karya lain hanya diketahui oleh pengarang karya itu sendiri, kerana apa yang dapat membezakan antara peniruan dan pengaruh adalah unsur yang melibatkan tindakan yang disengajakan dan yang tidak disengajakan (Lubis, 1994). Ini bermaksud apabila pengarang membuat peniruan, beliau melakukannya dengan sengaja dan sedar. Sebaliknya, pengaruh berlaku apabila pengarang melakukannya secara tidak sengaja. Walau bagaimanapun, sangat jarang bagi seorang pengarang untuk mengakui bahawa penulisannya melalui peniruan atau pengaruh (Lubis, 1994). Shaw (1990) menyatakan: “Seorang penulis boleh dikatakan dipengaruhi oleh penulis lain apabila bukti dari luar dapat dijadikan bahan kajian yang cukup meyakinkan. Berbeza dengan tiruan, karya pengarang yang terlibat diakui sebagai karyanya. Pengaruh adalah sesuatu yang sangat luas berlaku di mana sahaja dan bila-bila masa”.

Melalui kajian sumber, para penyelidik menganalisis teks asal yang terhasil dari karya Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil yang memberi kesan kepada penulisan Umar, M. S. dalam menghasilkan karya berjudul Tafsir Nur al-Ihsan. Apabila penyelidik ingin mencari teks asal tersebut, proses penyelidikan memastikan penyelidik membuat perbandingan antara Tafsir Nur al-Ihsan dan Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil. Proses perbandingan ini adalah untuk mengetahui persamaan dan perbezaan antara kedua-dua teks tersebut. Sekiranya teks yang ditulis sesuai dengan teks yang dirujuk, ia menguatkan tafsiran pengarang. Tetapi seandainya teks yang ditulis berbeza dengan teks Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil, maka hal ini menyebabkan tafsiran yang dibuat oleh pengarang itu menjadi lemah.

Perbincangan

Penyelidikan ini dilakukan terhadap lima aspek yang dibincangkan dalam Tafsir Nur al-Ihsan, iaitu Sabab Nuzul Ayat, Hadis-Hadis Nabi, kisah-kisah dari sumber al-Isra'iliyyat, ayat-ayat al-Nasikh dan al-Mansukh, dan teks mengenai fadhilat-fadhilat (Umar, 1970). Para penyelidik memilih lima aspek ini kerana ia merupakan perbincangan utama pengarang dalam karya Tafsir Nur al-Ihsan (Umar, 1970). Walaupun begitu, setelah diteliti dan dikaji, hanya terdapat empat aspek yang dibincangkan oleh pengarang berdasarkan rujukannya kepada karya tersebut, iaitu Sabab Nuzul Ayat, Hadis Nabi, kisah-kisah al-Isra'iliyyat, dan Fadhilat (Umar, 1970).

Berkaitan cara penggunaan teks yang dirujuk pula, Umar, M. S. telah mempraktikkan lima kaedah ketika memindahkan teks dari Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil ke dalam Tafsir Nur al-Ihsan; beliau memindahkan teks secara tepat dan selari, menukil teks secara abstrak, menghilangkan beberapa perkataan yang terdapat dalam teks Anwar al-Tanzil wa Asrar al-

Takwil, menambah keterangan terhadap teks yang dipetik dan menyanggah teks yang dirujuk (Umar, 1970). Perkara itu ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Kaedah Pengarang Menggunakan Teks Karya Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil

No.	Aspek	Selari	Abstrak	Gugur	Tambah	Tukar	Juml.	Peratus
01	Sabab Nuzul Ayat	5	8	5	2	0	20	38.4
02	Al-Hadith	3	2	3	1	0	9	17.3
03	Al-Isra'iliyyat	1	10	4	4	1	20	38.4
04	Nasikh Mansukh	0	0	0	0	0	0	0
05	Fadhilat	0	2	1	0	0	3	5.7
	Jumlah	9	22	13	7	1	52	100
	Peratusan	17.3	42.3	25	13.4	1.9	100	

Sumber: Umar, M. S. (1391H/1970M). Tafsir Nur al-Ihsan. Fatani: Matba'ah Bin Halabi

Jadual 1 menunjukkan bahawa Umar, M. S. telah mengaplikasi lima kaedah dalam menggunakan teks karya Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil semasa menulis Tafsir Nur al-Ihsan. Pertama, pengarang memetik teks secara tepat dari karya tersebut di mana teks yang ditulis olehnya sama dengan teks asal dari teks karya Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil. Kaedah ini merangkumi 9 teks keseluruhan (17.3%) iaitu Sabab Nuzul Ayat 5 teks, 3 teks Hadis Nabi, dan 1 teks berkaitan kisah-kisah al-Isra'iliyyat (Umar, 1970).

Kedua, pengarang meminjam makna teks yang terdapat dalam teks karya Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil dan kemudian beliau mengolah makna teks itu lalu dijadikan sebagai teksnya sendiri (Umar, 1970). Kaedah kedua ini bermaksud, ketika pengarang merujuk teks karya tersebut dan memahami isinya, beliau menterjemahkan kefahamannya itu ke dalam karyanya melalui susunan ayat yang baharu dengan cara yang tersendiri. Petikan yang dihasilkan itu adalah dalam bentuk abstrak bertepatan dengan makna teks karya asal yang dirujuk. Hanya makna teks sahaja yang menyerupai antara satu sama lain, tetapi bentuk teksnya berbeza (Sohaimi, 2001). Terdapat 22 teks (42.3%) di mana pengarang merujuk karya Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil dengan menggunakan cara kedua ini, iaitu 8 teks mengenai Sabab Nuzul Ayat, 2 teks tentang Hadis Nabi, 10 teks kisah-kisah al-Isra'iliyyat, dan 2 teks berkenaan fadhilat (Umar, 1970).

Ketiga, pengarang menghilangkan atau memotong ayat atau kalimah tertentu daripada teks yang dinukil dari karya Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil (Umar, 1970). Beliau melakukan hal itu terhadap teks yang dirasa terlalu panjang sehingga sukar difahami oleh masyarakat. Pengguguran ayat atau kalimah ini sering terjadi melibatkan data-data mengenai kisah-kisah yang panjang yang berunsurkan al-Isra'iliyyat yang selalunya mempunyai pelbagai pendapat dan perbincangan para sarjana tentangnya, atau apa-apa pendapat yang dianggap tidak sesuai jika dimuat bersama. Oleh itu, pengarang memilih pendapat tertentu sahaja sebagai data dalam karyanya dan beberapa pendapat lain dibuang. Terdapat 13 teks (25%) di mana pengarang menerapkan kaedah ketiga ini, iaitu 5 teks Sabab Nuzul Ayat, 3 teks berkaitan Hadis Nabi, 4 teks kisah-kisah al-Isra'iliyyat, dan 1 teks mengenai fadhilat (Umar, 1970).

Keempat, pengarang telah memperluas keterangan dan huraian teks yang beliau rujuk untuk memudahkan masyarakat memahami isi kandungan karya dan tafsirannya (Umar, 1970). Terdapat 7 teks (13.4%) di mana pengarang membuat penambahan pada teks yang dinukil, iaitu 2 teks Sabab Nuzul Ayat, 1 teks Hadis Nabi, dan 4 teks kisah-kisah al-Isra'iliyyat (Umar, 1970).

Kaedah yang kelima iaitu kaedah terakhir yang juga diperaktikkan oleh pengarang. Melalui kaedah ini, pengarang menyanggah atau menukar maklumat yang terdapat dalam teks karya Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil yang dipinjam. Penyanggahan yang dibuat tidaklah begitu ketara, ia hanya melibatkan terjemahan yang dibuat dari teks asal. Kajian mendapati bahawa penyanggahan ini berlaku kerana pengarang secara tidak sengaja melakukan kesalahan terjemahan teks karya Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil yang diujuk, dan dengan sendirinya kaedah terakhir ini diterapkan (Umar, 1970). Hanya 1 teks (1.9%) di mana pengarang telah melakukan kaedah kelima ini, iaitu teks mengenai kisah-kisah al-Isra'iliyyat.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian dan analisis yang telah dilakukan, kajian ini mendapati bahawa Umar, M. S. hanya mempunyai satu tujuan ketika merujuk teks dari karya Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil; iaitu, beliau hanya ingin memperkukuh tafsiran dan huraian yang telah dibuat. Oleh itu, kajian mendapati bahawa pengarang berjaya dan juga tidak berjaya mencapai hasrat tersebut.

Kejayaan pengarang terhasil apabila teks yang ditulis mengenai suatu aspek, misalnya, Sabab Nuzul Ayat dalam Tafsir Nur al-Ihsan sesuai dengan teks yang dirujuk dari karya Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil, di mana persamaan itu bertepatan dengan bentuk teks dan kandungan teks (Sohaimi, 2001 & Yusuff, 2021b). Sebagai contoh, pengarang merujuk kepada teks dari karya Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil tersebut (al-Baydawi, 1996);

نزلت في شهداء أحد

Sementara teks dari Tafsir Nur al-Ihsan, pengarang menulis; “ayat ini diturunkan berkaitan syuhada' Uhud (Umar, 1970)”.

Kedua-dua teks di atas menjelaskan sebab penurunan ayat ke-169, Surah Ali 'Imran menceritakan tentang para sahabat yang gugur dalam pertempuran di Uhud yang mendapat rahmat dari Allah SWT. Kajian mendapati bahawa pengarang telah merujuk teks dari karya tersebut dan kemudian memasukkannya ke dalam Tafsir Nur al-Ihsan secara selari tanpa penambahan. Oleh itu. Contoh ini membuktikan bahawa Umar, M. S. telah berjaya memperkuat tafsiran yang telah dibuat dalam Tafsir Nur al-Ihsan.

Manakala pengarang gagal merealisasikan tujuannya itu ketika teks yang ditulis bertentangan dengan teks yang dirujuk (Sohaimi, 2001 & Yusuff, 2021c). Perkara ini dapat dilihat melalui contoh berikut yang diambil dari karya Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil (al-Baydawi, 1996):

بأنه من المغرقيين يريد ابنه كنعان وأمه واعلة فإنهما كانا كافرين وَمَا آمَنَ مَعَهُ إِلَّا قَلِيلٌ قيل كانوا تسعة وسبعين زوجته المسلمة وبنوه الثلاثة سام وحام ويافث ونساؤهم وثنان وسبعون رجلاً وامرأة من غيرهم

Sementara pengarang menulis; "...dan keluarga mu; iaitu isterinya, Wal'ah atau Wa'ilah, dan ketiga anaknya; Sam adalah bapa orang Arab, Ham bapa orang kulit hitam, Yafith bapa orang Turki, dengan isteri mereka" (Umar, 1970).

Kedua-dua teks tersebut menceritakan tentang keluarga Nabi Nuh yang terselamat dari banjir besar yang pernah berlaku satu ketika dahulu. Melalui teks Tafsir Nur al-Ihsan, Umar, M. S. memberitahu bahawa Wa'ilah iaitu salah seorang isteri Nabi Nuh termasuk dalam kalangan orang yang terselamat dari banjir, sementara al-Baydawi, A. U. dalam karyanya mengatakan bahawa Wa'ilah adalah seorang kafir yang lemas bersama orang kafir yang lain. Petikan dan terjemahan seperti itu mengelirukan pembaca dan masyarakat, dan pada masa yang sama menjadikan tujuan dan niat pengarang pada bahagian ini tidak berjaya.

Oleh itu, artikel ini menyimpulkan bahawa pendekatan genetik yang telah diterapkan dalam menjalankan penyelidikan ini adalah pendekatan dalam kesusasteraan bandingan (Yusuff, 2021d). Pendekatan ini digunakan untuk mengesan pengaruh yang mempengaruhi karya dengan membandingkan satu pengaruh dengan pengaruh yang lain (Shaw, 1990). Pendekatan ini melibatkan tiga corak; iaitu kajian sumber, kajian pengantara, dan kajian penerimaan (Sohaimi, 2001 & Yusuff, 2021d). Kajian ini menerapkan kajian sumber dalam menganalisis dan mengenal pasti rujukan asal dari karya Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil yang digunakan oleh Umar, M. S. sebagai rujukannya ketika menghasilkan Tafsir Nur al-Ihsan, di samping menunjukkan bagaimana Umar, M. S. memindahkan teks yang dirujuk ke dalam karyanya itu.

Berdasarkan analisis yang telah dibuat, karya Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil dijadikan rujukan oleh Umar, M. S. terhadap empat aspek yang terdapat dalam Tafsir Nur al-Ihsan, iaitu Sabab Nuzul Ayat mewakili 20 teks (38.4%), Hadis Nabi 9 teks (17.3%), kisah-kisah al-Isra'iliyyat 20 teks (38.4%), serta 3 teks berkaitan fadhilat (5.7%) (Umar, 1970). Oleh itu, artikel ini membuktikan bahawa Umar, M. S. dalam menghasilkan karya Tafsir Nur al-Ihsan ini tidak menggunakan fakta yang tidak berasas atau menggunakan pendapatnya sendiri. Hal ini disebabkan beliau telah menjadikan karya Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil sebagai salah satu karya yang menjadi rujukannya dalam mentafsirkan ayat-ayat suci al-Quran.

Rujukan

- al-Baydawi, A. U. (1996) Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil. Beirut: Dar al-Fikr.
- Basmeih, A. (2000). Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an. Cetakan ke-16. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Lubis, M. B. (1994). Pendekatan Genetik dalam Kesusasteraan Bandingan: Beberapa Pengantar Awal dalam Jaafar Husin (ed.), Pengantar Kesusasteraan Bandingan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ronidin. (2011). Malin Kundang, Ibunya Durhaka. *Lingua Didaktika*, Volume 4 No 2, 114-125.
- Shaw, J.T. (1990). "Keberhutangan Kesusasteraan dan Kajian Sastera Bandingan", dalam

- Newton P. Stallknecht dan Horst Frenz (ed.), *Sastra Perbandingan: Kaedah dan Perspektif*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sinar, T. T. Z. (2003). *Pancaran Filosofis Rabindranath Tagore dan Hinduisme pada Sanusi Pane: Satu Pendekatan Genetik*. *Studia Kultura*, Nomor 3 Tahun 2, 211-228.
- Sohaimi, A. Z. (2001). *Kesusasteraan Bandingan: Perkembangan, Pendekatan Praktis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Taib, M. I. (2003). *Israiliyyat Dalam Tafsir: Kajian Terhadap Kitab Nur al-Ihsan*, Karya Haji Muhammad Said bin Umar. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Umar, M. S. (1391H/1970M). *Tafsir Nur al-Ihsan*. Fatani: Matba'ah Bin Halabi.
- Yusuff, M. S. S. (2020). *Bacaan Intertekstual Terhadap Tafsir Nur al-Ihsan: Kajian Menurut Kaedah Ekspansi*, *Jurnal Dunia Pengurusan*, Vol. 2, No. 2, 1-11, 2020.
- Yusuff, M. S. S. (2021a). *A Critical Analysis of the Influence of Tafsir al-Jalalyn in Tafsir Nur al-Ihsan Based on Genetic Approach*, *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, Vol. 11, No. 6, 2021, 1418-1424.
- Yusuff, M. S. S. (2021b). *A Critical Analysis of the Influence of Tafsir al-Nasafi in Tafsir Nur al-Ihsan Based on Genetic Approach*, *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, Vol. 11, No. 6, 2021, 1397-1402.
- Yusuff, M. S. S. (2021c). *A Critical Analysis of the Influence of Tafsir al-Tha'labi in Tafsir Nur al-Ihsan Based on Genetic Approach*, *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, Vol. 11, No. 6, 2021, 1442-1447.
- Yusuff, M. S. S. (2021d). *A Critical Analysis of the Influence of Tafsir Ibn Kathir in Tafsir Nur al-Ihsan Based on Genetic Approach*, *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, Vol. 11, No. 6, 2021, 1467-1472.
- Zaim, M. N. (2010). *Kajian Takhrij Hadith Dalam Tafsir Nur Al-Ihsan*. Disertasi Sarjana Sastra, Universiti Sains Malaysia.